

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | SPNB, PMCare bantu mangsa banjir di Pahang |             |                     |
| MediaTitle | Kosmo                                      |             |                     |
| Date       | 26 Jan 2015                                | Color       | Full Color          |
| Section    | Negara                                     | Circulation | 218,251             |
| Page No    | 20   | Readership  | 654,753             |
| Language   | Malay                                      | ArticleSize | 238 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 3,051            |
| Frequency  | Daily                                      | PR Value    | RM 9,154            |



# SPNB, PMCare bantu mangsa banjir di Pahang

**KEMANUSIAAN.** Seramai 30 orang sukarelawan dari Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan 12 sukarelawan dari syarikat insurans, PMCare Sdn. Bhd. menjalankan misi bantuan banjir menerusi pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada orang ramai di Temerloh dan Jerantut, Pahang baru-baru ini.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat SPNB, Datuk Nurulhidayah Ahmad Zahid berkata, sebanyak tujuh buah kereta ke Kampung Tebing Tinggi, Jerantut manakala sebanyak tiga buah kereta

lagi berlepas ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Paya Pulai, Temerloh.

"Selain daripada pemeriksaan percuma, seramai 160 keluarga di Kampung Tebing Tinggi turut menerima barangan keperluan harian seperti bantal, barangan mandian dan ubat nyamuk. Di SMK Paya Pulai, kami fokus kepada sumbangan barangan keperluan sekolah seperti beg galas dan alat-alat tulis kepada pihak sekolah tersebut untuk diagih-agihkan mengikut keperluan murid," katanya.



SUKARELAWAN bergambar kenangan pada program misi bantuan banjir bersama penduduk di Kampung Tebing Tinggi, Jerantut baru-baru ini.